

**KENYATAAN AKHBAR PADA KHAMIS 25<sup>th</sup> Jun 2015 OLEH TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ABD. KADIR BIN SHEIKH FADZIR, MANTAN MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA, SERTA PRESIDEN PARTI IKATAN BANGSA MALAYSIA**

**“PENYALAHGUNAAN KUASA BERJUTA-JUTA RINGGIT DALAM BUSINESS MENGELUARKAN VISA MALAYSIA DI CHINA DAN INDIA...”**

1. Saya merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) hari ini mengenai keputusan Kementerian Dalam Negeri dalam memberi kelonggaran mengeluarkan visa bagi pelancong Negara China.
2. Dalam hubungan ini, saya mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Nazri, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan sekarang, yang sedar tentang pri-pentingnya pelancong dari negeri China. Beliau telah memujuk kerajaan supaya membebaskan mereka dari keperluan visa kerana beliau merasakan keuntungannya adalah jauh lebih besar dari sebarang kerugian.
3. Sebenarnya, masalah pengeluaran visa bagi pelancong Cina adalah mengenai soal memudahkan dan mempercepatkan pengeluaran visa tersebut. Ianya bukan soal dikenakan visa ataupun bayaran fee visa. Lihat bagaimana kerajaan-kerajaan USA, UK dan Australia sedang menguruskan perkara tersebut dengan begitu cekap dan tidak ada pun masalah.
4. **SEKALI LAGI, RASUAH, KRONISME, DAN PENYALAHGUNAAN KUASA OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU UNTUK MENGAUT KEUNTUNGAN BERATUS JUTA RINGGIT SETIAP TAHUN ADALAH YANG MENIMBULKAN PELBAGAI MASALAH MENGENAI VISA INI. SAYA TELAH DITEMUI OLEH RAMAI ORANG YANG MEMINTA SAYA BERJUMPA SPRM AGAR MENYIASAT PERKARA TERSEBUT.**
5. Kerugian kepada negara adalah terlalu besar dan ianya telah berlarutan begitu lama. Sementara itu, industry pelancongan negara – hotel-hotel, syarikat pelancongan, restoran dan lain-lain, semuanya tidak dapat manfaat dari peningkatan yang begitu tinggi oleh pelancong Cina yang berbelanja besar yang sedang bercuti diluar negara mereka – lebih dari 100 juta pada tahun sudah.
6. Misalnya kerajaan-kerajaan USA, UK dan Australia telah menentukan system yang begitu mudah, cepat dan murah untuk mengeluarkan visa bagi pelancong-pelacong negeri China, India, Pakistan dan negara-negara lain sejak sekian lama, dan semuanya ini sedang berjalan dengan begitu baik sekali. Kelulusan visa sekarang ini dapat dibuat secara online dan dengan serta-merta jika segala syarat-syarat yang dikenakan telah dipenuhi.

7. Sekitar 2002, semasa saya menjadi Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, saya telah mencadangkan secara rasmi agar Malaysia melaksanakan system yang sama dengan sedikit perubahan supaya lebih sesuai – iaitu dengan melantik beberapa syarikat pelancongan kepunyaan kerajaan di negara China, India dan lain lain untuk menjadi agen kita untuk mengeluarkan visa tersebut dengan sedikit bayaran pentadbiran yang minima. Malangnya, ada pihak-pihak yang lain pula memikir itu adalah peluang keemasan untuk mengaut berjuta Ringgit setiap tahun, iaitu dengan melantik kroni dan agen mereka dari Malaysia untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.
8. Oleh itu, kita dapati berbagai pihak sedang menjalankan kerja memproses visa tersebut dan mengutip bayaran pentadbiran yang kebiasaannya 2-3 kali lebih dari bayaran yuran visa itu sendiri. Oleh sebab negara China dan India adalah terlalu luas, maka urusan ini pula memerlukan masa lebih dari 2 minggu. Oleh itu, sesiapa sahaja yang hendak melawat Malaysia dengan segera, tidak dapat berbuat begitu dan Malaysia kehilangan berjuta pelancong berkualiti oleh sebabnya.
9. **PERBUATAN DIATAS ADALAH SUATU LAGI KISAH PENYALAHGUNAAN KUASA OLEH PIHAK-PIHAK DARI KERAJAAN TANPA KASIHAN BELAS TERHADAP KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA.** Banyak lagi perkara-perkara yang boleh diceritakan, tetapi cukuplah disini. Saya meminta **SPRM** mengambil perhatian berat bahawa terdapat pihak-pihak dari Malaysia yang sedang mengaut keuntungan beratus juta ringgit setiap tahun. Sedangkan yang menjadi mangsa dari itu adalah industri pelancongan Malaysia yang tersangat penting.
10. **DENGAN INI, SAYA MEMINTA SPRM DENGAN SERTA-MERTA MELAWAT NEGARA CHINA DAN INDIA DAN MEMERIKSA SENDIRI APA YANG SAYA NYATAKAN. CUMA NASIHAT SAYA KEPADA SPRM. JUMPALAH ORANG-ORANG YANG BERKAITAN – IAITU AGENSI-AGENSI PELANCONGAN DAN LAIN-LAIN YANG BERKAITAN. JANGAN JUMPA PEGAWAI. SUDAH TENTU MEREKA TAKUT UNTUK BERCAKAP.**

Terima Kasih

  
(TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ABD. KADIR BIN SHEIKH FADZIR)

25<sup>th</sup> Jun, 2015

---